



SIARAN MEDIA

25 WAKIL AGAMA DILANTIK SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI)

PUTRAJAYA, 19 Februari 2025 – Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Bilangan 1/2025 telah dipengerusikan secara bersama oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Mesyuarat ini merupakan platform bagi **membincangkan mengenai usaha-usaha pengukuhan keharmonian dan perpaduan** dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya di Malaysia.

Bagi sesi 2025 – 2026 (1/1/2025 – 31/12/2026), **seramai 25 orang telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa yang terdiri daripada 10 wakil agama Islam, 4 wakil agama Buddha, 4 wakil agama Kristian, 2 wakil agama Hindu, 1 wakil agama Sikh, 2 wakil Tao, 1 wakil Bahai dan wakil UNIFOR, Sarawak (Lampiran)**. Mesyuarat pada hari ini telah membincangkan:

I. **Inisiatif Mengangkasa Mediator Komuniti**

Kementerian Perpaduan Negara telah membentangkan mengenai usaha-usaha dijalankan oleh 571 orang mediator komuniti dalam menyelesaikan konflik di peringkat akar umbi sebagai platform bukan perundangan (litigasi). Sebanyak **215 kes mediasi telah selesai dilaksanakan pada tahun 2024**. Sehingga kini, terdapat 8 Pusat Mediasi Komuniti telah ditubuhkan sebelum ini dan cadangan peluasan Pusat Mediasi Komuniti pada tahun 2025 adalah sebanyak 5 buah.

II. **Pengurusan Isu-Isu Perpaduan di Peringkat Akar Umbi**

Pada tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara telah **menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan yang diwakili oleh 12 agensi kerajaan** bagi membincangkan pelaksanaan langkah mitigasi dan strategi intervensi bagi menangani isu perpaduan.

Mesyuarat pada hari ini membincangkan secara terperinci mengenai keputusan Jemaah Menteri berhubung garis panduan kunjungan penganut agama Islam ke rumah ibadat selain Islam dengan mendengar pandangan dari semua wakil agama. Kesemua ahli mengambil maklum keputusan Jemaah Menteri yang menetapkan bahawa JAKIM boleh memberi nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan untuk menjaga akidah dalam majlis sambutan perayaan dan upacara kematian orang bukan Islam, namun nasihat tersebut adalah tidak bersifat dasar.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menekankan bahawa **Kementerian Perpaduan Negara akan terus melaksanakan program-program berbentuk dialog antara agama, pendidikan tentang pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, serta menggalakkan aktiviti sosial yang melibatkan pelbagai komuniti agama.** Ini bertujuan untuk memupuk rasa saling memahami dan menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Beliau berharap agar program Jejak Harmoni dapat dilaksanakan di kesemua negeri **sebagai usaha meningkatkan keharmonian dalam kalangan penganut agama di Malaysia.**

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menzahirkan keyakinan bahawa **Mesyuarat Jawatankuasa HARMONI ini merupakan platform strategik untuk membincangkan isu-isu berkaitan perpaduan masyarakat berbilang agama dan budaya secara matang dan konstruktif.** Beliau menaruh harapan agar mesyuarat ini dapat merumuskan resolusi yang memberi impak signifikan kepada keharmonian negara, berlandaskan prinsip keadilan, toleransi, dan saling memahami. JPM-HEA menerusi JAKIM akan terus memberi sokongan kepada usaha-usaha oleh JK HARMONI dan Kementerian Perpaduan demi memastikan hujung dan kerjasama antara agama di negara kita terus kukuh ke arah mencapai perpaduan dan kesejahteraan negara hari ini dan masa depan. Beliau percaya hasil daripada mesyuarat ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuhkan perpaduan nasional demi memastikan masa depan negara yang harmoni dan inklusif untuk generasi akan datang.

Kedua-dua Menteri menyatakan harapannya agar Jawatankuasa HARMONI menjadi platform yang berkesan dalam menguruskan isu-isu perpaduan dan memupuk persefahaman dan keharmonian antara ketua-ketua agama dan penganut agama bagi menyokong matlamat membangun Malaysia MADANI.

JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI)

19 Februari 2025

AHLI JAWATANKUASA HARMONI SESI 2025-2026

BIL.	NAMA	
1.	YBHG. PROF. DATO' DR. MUHAMMAD NUR BIN MANUTY	WAKIL AGAMA ISLAM
2.	YBHG. PROF. DATO' SRI ZALEHA BINTI KAMARUDIN	WAKIL AGAMA ISLAM
3.	SAHIBUS SAMAHAH DATUK WIRA HAJI ABDUL HALIM BIN TAWIL	WAKIL AGAMA ISLAM
4.	SAHIBUS SAMAHAH DATU HAJI KIPLI BIN HAJI YASSIN	WAKIL AGAMA ISLAM
5.	SAHIBUS SAMAHAH DATUK HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR	WAKIL AGAMA ISLAM
6.	YBHG. PROF. DATO' DR. WAN KAMAL MUJANI	WAKIL AGAMA ISLAM
7.	YBHG. PROF. DR. ZAID BIN AHMAD	WAKIL AGAMA ISLAM
8.	TUAN HAJI BADLISHAH SHAM BIN BAHARIN	WAKIL AGAMA ISLAM
9.	TUAN HAJI IR. MOHD JAMALUDIN MOHAMED SHAMSUDIN	WAKIL AGAMA ISLAM
10.	TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHD SAMSUDIN	WAKIL AGAMA ISLAM
11.	VENARABLE CHUAN YUAN	WAKIL AGAMA BUDDHA
12.	VENERABLE SING KAN	WAKIL AGAMA BUDDHA
13.	VENERABLE JUE CHENG	WAKIL AGAMA BUDDHA
14.	PUAN LOH PAI LING	WAKIL AGAMA BUDDHA
15.	REVEREND DR EU HONG SENG	WAKIL AGAMA KRISTIAN
16.	COR EPISCOSA REVEREND PHILIP THOMAS	WAKIL AGAMA KRISTIAN
17.	ARCHBISHOP DATUK DANALD JUTE	WAKIL AGAMA KRISTIAN
18.	ARCHBISHOP DATUK MELTER JIKI BIN TAIS	WAKIL AGAMA KRISTIAN
19.	YBHG. TAN SRI DATUK R. NADARAJAH	WAKIL AGAMA HINDU
20.	ENCIK GENESAN THANGAVELU	WAKIL AGAMA HINDU
21.	SARDAR JAGIR SINGH A/L ARJAN SINGH	WAKIL AGAMA SIKH
22.	DAOZHANG TAN HOE CHIEOW	WAKIL AGAMA TAO
23.	DAOZHANG DR. YAM KAH KEAN	WAKIL AGAMA TAO
24.	YBRS. DR LIM SOON KAM	WAKIL AGAMA BAHAI
25.	YBHG. DATUK GEORGINA APPHIA NGAU	UNIFOR